

BAB 3

PROFIL INDUSTRI KERTAS DI MALAYSIA

3.1 Pengenalan

Bagi tujuan untuk menjelaskan profil penggunaan kertas di Malaysia, pengkajian banyak bergantung kepada laporan industri kertas Malaysia yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Maiaysia (MIDA). Berdasarkan laporan tersebut, suatu gambaran umum tentang industri kertas tempatan dapat dijelaskan. Namun demikian, untuk mendapat gambaran secara khusus tentang profil bagi setiap jenis kertas yang dibincangkan adalah agak sukar, memandangkan laporan yang diperolehi hanya berasaskan pecahan kategori yang telah ditentukan. Dengan yang demikian, analisis akan diakukan terhadap kategori yang dikenal pasti berkaitan dengan tajuk pengkajian, iaitu bagi kategori kertas tulisan/percetakan (*writing/printing paper*) dan *Newspaper*.

Jadual 3.1 Jenis-jenis kertas dalam kategori *Writing/printing paper*

Permukaan	Jenis	Substance (GSM)
Uncoated	Woodfree (Semi)	50 – 150
Coated	Art Paper (matt & gloss)	80 – 157
Coated	Light Weight Coated (LWC)	50 – 80
Uncoated	Hibrite (Improved Newsprint)	50 – 65

Jadual 3.1, menunjukkan jenis-jenis kertas yang terdapat dalam kategori *writing/printing paper*. Permukaan bagi jenis-jenis kertas ini terbahagi kepada dua sifat, iaitu tidak disalut (*uncoated*) dan disalut (*coated*). Jenis-jenis kertas yang tidak disalut

adalah *Woodfree* (*Simili*) dan *Hibrite* (*Improve Newsprint*). Manakala jenis kertas yang disalut pula adalah *Art Paper* (*matt & glossy*) dan *Light Weight Coated* (*LWC*). Substance kertas, jenis *Woodfree* adalah antara 50GSM hingga 150GSM. Manakala *Art Paper* (*matt & glossy*), antara 80GSm - 157GSM, *Light Weight Coated* (*LWC*) antara 50GSM hingga 80GSM dan *Hibrite* (*Improve Newsprint*), adalah antara 50GSM hingga 65GSM.

Jadual 3.2: Jenis kertas dalam kategori *Newsprint*

Permukaan	Jenis	Substance (GSM)
<i>Uncoated</i>	<i>Newsprint</i>	45 - 48.8

Jadual 3.2, memperlihatkan bahawa jenis kertas *Newsprint* dikategorikan dalam suatu kategori yang tersendiri. Permukaan kertas ini adalah bersifat tidak disalut (*uncoated*) dan substance bagi kertas ini adalah 45 GSM dan 48.8GSM.

3.2 Profil Pasaran

Sebagaimana negara-negara membangun yang lain, permintaan barangang yang berasaskan kertas dan kertas bod negara telah berkembang sejajar dengan perkembangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Walau bagaimanapun keadaan ini telah memberi tekanan kepada pengeluaran kertas dan kertas bod tempatan untuk memenuhiinya. Di Malaysia hanya terdapat 19 buah kilang pembuat kertas yang beroperasi di sekitar Semenanjung dan Malaysia Timur (*Brief on The Pulp and Paper Industry ; 1999*). Malaysia masih lagi menjadi sebuah negara yang bergantung kepada

import kertas dan kertas bod untuk memenuhi permintaan dan penggunaan tempatan. Pengeluaran tempatan masih belum cukup untuk memenuhi permintaan tempatan sama ada dari segi kapasiti pengeluaran ataupun jenis-jenis kertas dan setakat ini, hanya 40% sahaja yang dapat dipenuhi. Manakala jumlah import kertas yang terbanyak adalah daripada kategori *writing/printing paper*. Oleh yang demikian, Malaysia telah merancang untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi penghasilan kertas dan kertas bod pada masa hadapan (*Brief on The Pulp and Paper Industry ; 1999*).

Pasaran import negara bagi kertas dan kertas bod diperolehi lebih daripada 30 negara di dunia. Kebanyakan *end - user* negara lebih berminat dan cenderung untuk mengimport bekalan kertas dari negara-negara yang berdekatan. Dalam hal ini, negara yang sering dikaitkan adalah Thailand dan Indonesia. Negara-negara ini juga mampu menghasil dan menjual pada kos yang rendah serta bekalan dapat diperolehi dalam tempoh masa yang singkat. Kebiasaannya, kertas yang diimport dari negara Thailand dan Indonesia hanya memerlukan tempoh masa kiriman (*shipment*) tidak lebih daripada seminggu berbanding *shipment* dari Amerika dan negara-negara Eropah yang mengambil masa lebih daripada empat minggu. Namun begitu, dari segi kualiti pembuatan kertas, produk dari negara-negara seperti Amerika dan Eropah adalah lebih baik, iaitu dari segi kualiti cetak (*print quality*) dan *runability*. Bagi sifat-sifat optiknya pula berkaitan dengan kecerahan (*brightness*), variasi (*shade*) dan kelegapan (*opacity*).

Pada tahun 1999, jumlah keseluruhan penggunaan kertas dan kertas bod negara adalah sebanyak 1.7 juta metrik ton, yang bernilai kira-kira RM3 billion. Gunaan kertas

per kapita negara adalah sebanyak 88 kg setiap orang (*Brief on The Pulp & Paper Industry* : 1999). Namun begitu, keadaan ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan penggunaan per kapita bagi Singapura, iaitu sebanyak 216 kg (anggaran 1993) dan 320 kg bagi gunaan per kapita di Amerika. Jumlah penggunaan per kapita negara telah meningkat sebanyak 11 % pada tahun 1999 berbanding 7 tahun sebelum ini. Berdasarkan ramalan yang dibuat oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), penggunaan kertas negara akan berkembang sekitar 10% setiap tahun. Ramalan ini berasaskan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kekal sekitar 8% setiap tahun. Permintaan bagi penggunaan kertas dan kertas bod telah meningkatkan gunaan per kapita kertas negara disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya:

- a) Kadar literasi dan pendidikan negara yang meningkat telah membentuk permintaan terhadap *writing/printing paper* di sekolah.
- b) Perkembangan berterusan di Malaysia dalam bidang pembuatan dan eksport barang yang memerlukan kepada pembungkusan.
- c) Kemewahan rakyat yang telah membantu meningkatkan permintaan terhadap barang pengguna (*consumer goods*). Umpamanya, barang yang memerlukan pembungkusan seperti peti televisyen, pemain CD, komputer dan sebagainya.
- d) Berlaku peningkatan penggunaan kertas dalam urusan mengendalikan operasi kerja disebabkan oleh pertumbuhan yang pesat, mereka yang terlibat di dalam bidang profesional (*white collar*).

3.3 Import dan Saiz Pasaran

Malaysia tetap menjadi negara pengimpor kertas dan kertas bod dari negara luar. Ini kerana Maiaysia tidak mempunyai kapasiti pengeluaran tempatan yang cukup untuk memenuhi permintaan tempatan yang kian meningkat dari pelbagai jenis kertas. Kebanyakan kilang pembuat kertas di Malaysia adalah bersaiz kecil dan tidak dapat menghasilkan pengeluaran yang tinggi. Pada tahun 1995, gabungan daripada semua kilang pembuat kertas ini hanya dapat menghasilkan kira-kira 680,600 tan metrik, iaitu kurang daripada satu pertiga jumlah keseluruhan permintaan negara. Hanya terdapat tiga buah kilang daripada 19 buah, yang mempunyai kapasiti pengeluaran lebih daripada 100,000 tan metrik setahun.

Pada tahun 1995, import kertas dan kertas bod negara telah mencapai 1.32 juta tan metrik. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 40% daripada 948,000 tan metrik pada tahun 1994. Nilai import telah meningkat kepada RM2.5 billion (US\$1 billion) pada tahun 1995 berbanding dengan RM1.5 billion (US\$600 juta) pada tahun 1994.

Senario peningkatan nilai import terhadap kertas dan kertas bod negara terus dicatatkan pada tahun 1997, 1998 dan 1999. Sebanyak RM2,745,219,000 dicatatkan bagi tahun 1999, iaitu meningkat sebanyak 22.6% daripada RM2,238,537,000 pada tahun 1998. Jika dibandingkan dengan tahun 1997, prestasi tahun 1998 memperlihatkan kemerosotan sebanyak 9.8%, iaitu daripada sejumlah RM2,841,809,000.

3.4 Pecahan Kategori Kertas

Secara umumnya, industri kertas di Malaysia boleh dipecahkan kepada empat kategori utama, iaitu:

- 1) Kertas *Liner* untuk industri pembungkusan (*packaging industry*) - seperti *corrugating medium, testliner* dan *kraftliner*.
- 2) Kertas Percetakan/Tulisan (*Writing/Printing Paper*)
- 3) *Newspaper*
- 4) Lain-lain, iaitu jenis-jenis yang khusus seperti kertas keselamatan, kertas dinding (*wall paper*) dan sebagainya.

Penggunaan kertas dalam industri penerbitan buku dikaitkan dengan kategori kertas percetakan/tulisan (*Writing/Printing Paper*) dan *Newspaper*.

Jadual 3.3: Statistik Industri Kertas di Malaysia bagi Tahun 1999

Jenis kertas	P'luaran Tahunan (M/T)	Import (M/T)	Eksport (M/T)	Gunaan (M/T)	Kadar sumbangan kertas (%)
Kertas <i>Liner</i>	447,459	408,875	76,043	810,291	48
<i>Newsprint</i>	122,880	142,808	41,927	223,791	13
Kertas p'cetakan/tulisan	150,000	210,794	59,891	300,903	18
Kertas bod berkod & bahan-bahan bercetak yg lain.	55,200	265,050	46,854	273,396	16
Lain-lain– kertas tisu	82,800	3,404	18,122	86,082	4
Jumlah	888,339	1,030,931	242,837	1,676,433	100

Sumber: Persatuan Pembuat Palpa dan Kertas Malaysia (MPPMA)

Berdasarkan Rajah 3.3, jenis kertas *Liner* merupakan penyumbang terbesar dalam industri kertas negara, iaitu dengan mencatatkan kadar sumbangannya sebanyak 48%. Jenis kertas ini mencatatkan jumlah pengeluaran tahunan sebanyak 447,459 tan metrik, import 408,875 tan metrik, eksport 76,043 tan metrik dan gunaan sebanyak 810,291 tan metrik. Jumlah gunaan mencatatkan sebanyak 81% (362,832 tan metrik) lebih tinggi daripada jumlah pengeluaran tahunan. Manakala jumlah import, mencatatkan sumbangan sebanyak 51% terhadap jumlah gunaan negara.

Jenis kertas tulisan/percetakan merupakan penyumbang kedua terbesar dengan mencatatkan kadar sumbangan sebanyak 18% terhadap industri kertas negara. Sebanyak 150,000 tan metrik telah dicatatkan sebagai jumlah pengeluaran tahunan bagi jenis kertas ini. Manakala sebanyak 210,794 tan metrik import, 59,891 tan metrik eksport dan 300,903 tan metrik gunaan. Sebanyak 30% daripada jumlah gunaan negara disumbangkan daripada pengeluaran negara. Daripada jumlah gunaan yang dicatatkan, sebanyak 70% bekalan kertas ini diperolehi melalui import. Ini bermakna, jumlah import menyumbang sebanyak 134% (120,685 tan metrik) lebih tinggi daripada jumlah pengeluaran.

Kadar sumbangan kertas sebanyak 16% meletakkan jenis kertas bod berkod dan bahan-bahan cetak yang lain di tempat ketiga dalam industri kertas negara. Jumlah pengeluaran tahunan negara hanya menyumbang 3% (8,346 tan metrik) terhadap jumlah gunaan negara dan selebihnya disumbangkan daripada bekalan import yang mencatatkan

jumlah sebanyak 265,050 tan metrik. Sebanyak 85% (46,854 tan metrik) jumlah pengeluaran tahunan negara dieksport ke luar nagara.

Jenis kertas *Newsprint* mencatatkan 13% kadar sumbangannya terhadap industri kertas negara. Daripada peratusan ini, jumlah pengeluaran tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak 122,880 tan metrik, 142,808 tan metrik import, 41,927 tan metrik eksport dan 223,791 tan metrik gunaan. Berdasarkan kepada jumlah gunaan, sebanyak 80,953 tan metrik disumbangkan daripada pengeluaran tempatan manakala selebihnya diperolehi daripada sumber import. Sebanyak 34% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran tahunan negara digunakan untuk dieksport.

Sebanyak 4% kadar sumbangan kertas terhadap industri negara datangnya daripada lain-lain – kertas tisu. Kategori kertas ini mencatatkan kadar pengeluaran tahunan sebanyak 82,800 tan metrik, import 3,404 tan metrik, eksport 18,122 tan metrik dan gunaan 86,082 tan metrik. Kadar pengeluaran tahunan negara menyumbang sebanyak 75% terhadap jumlah gunaan dan 15% diperolehi daripada bekalan import.

3.5 Pengeluaran Tempatan

Malaysia mempunyai 19 buah kilang kertas dan 54 buah pembuat *corrugated carton* yang beroperasi, dengan jumlah gunaan sebanyak 1.7 juta tan metrik, yang bernilai kira-kira RM3 billion. Hampir 40% permintaan tempatan dipenuhi oleh pengeluaran tempatan. Walau bagaimanapun, penghasilan kertas *Newsprint* tempatan telah memulakan operasinya dari suku tahun kedua 1999. Kategori *writing/printing paper* merupakan penyumbang terbesar terhadap import kertas negara.

3.5.1 Writing/Printing Paper

Keluaran negara bagi kategori kertas ini hanya dihasilkan oleh Sabah Forest Industries Sdn. Bhd. (SFI), dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 165,000 tan metrik setahun. Kilang ini menghasilkan jenis kertas yang berkualiti seperti *Woodfree coated* dan kertas *uncoated writing/printing*. Selain menjadi kilang pembuat kertas, SFI juga menghasilkan palpa sendiri untuk kegunaannya. Hampir 70% permintaan bagi penggunaan jenis kertas ini diperolehi melalui import.

Secara khususnya, *writing/printing paper* mempunyai potensi gunaan yang baik dan untuk diimport berdasarkan peningkatan penggunaannya dari tahun ke tahun. Penggunaannya telah meningkat kepada 622,721 tan metrik pada tahun 1996 daripada 307,649 tan metrik pada tahun 1991 (*Brief on Paper and Pulp Industry; 1999*). Berdasarkan formula yang digunakan oleh Deutsche Morgan Guanfell, iaitu sebuah firma

bank pelaburan, penggunaan *writing paper*, biasanya akan berkembang pada kadar 2.5 kali ganda Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negara-negara membangun.

Kategori *writing/printing paper* dapat dibahagikan kepada dua sektor utama, iaitu;

- a) *Uncoated writing /printing paper*
- b) *Coated writing/printing paper*

Bersandarkan kepada kadar penggunaan, pasaran import untuk *uncoated writing/printing paper* adalah yang terbesar dan berkembang dengan cepat. Pada tahun 1996, jumlah nilai import kertas ini adalah sebanyak RM476,082,000. Malahan, sektor ini dibahagikan kepada beberapa sub-sektor, iaitu:


- a) *Uncoated writing/printing paper* dalam bentuk gegulung (dengan berat lebih daripada 40GSM dan tidak lebih daripada 150GSM). Berdasarkan perangkaan perdagangan luar negeri pada tahun 1996, menunjukkan jumlah import adalah sebanyak RM170,919,000.
- b) *Uncoated writing/printing paper* dalam bentuk helaian (dengan berat lebih daripada 40GSM dan tidak lebih daripada 150GSM). Berdasarkan perangkaan perdagangan luar negeri pada tahun 1996, jumlah import adalah sebanyak RM203,969,000. Manakala bagi sub-sektor *coated writing/printing paper* pada tahun 1996, jumlah import keseluruhan hampir mencapai RM243,633,000.

Eksport kertas *uncoated writing/printing paper* dalam bentuk gegulung ke Malaysia didahului oleh negara China (22%), diikuti dengan Amerika (19%) dan Jepun tempat ketiga (18%). Manakala bagi kertas *uncoated* dalam bentuk helaian didahului oleh negara Indonesia (36%), Japan (11%), Finland dan United Kingdom (masing-masing 7.5%) dan Thailand (5.5%). Terdapat lebih daripada 30 negara mengeksport kertas ke Malaysia. Pada tahun 1996, terdapat 36 buah negara telah mengeksport kertas percetakan tidak disalut (*uncoated printing paper*) sama ada dalam bentuk gegulung dan helaian ke Malaysia. Di antara syarikat-syarikat utama dari negara ketiga yang membekal kertas ini ke dalam pasaran Malaysia adalah terdiri daripada UPM Kymmene Group (Finland), Nippon Paper and Pulp (Jepun), New Oji (Jepun), Daishowa (Jepun), Mitsubishi (Jepun), Thai Union (Thailand), Thai Agriculture (Thailand) dan Twiji Kimia (Indonesia). (*Paper/paperboard Import Opportunities; 1997*)

3.1.1 Analisis Statistik bagi Kategori *Writing/Printing Paper*

Analisis berkenaan kategori *writing/printing paper* ini melibatkan tiga pecahan utama, iaitu daripada segi jumlah pengeluaran, import dan gunaan. Analisis ini juga, melibatkan tempoh masa selama 9 tahun, iaitu bermula daripada tahun 1991 hingga 1999. Jumlah keseluruhan pengeluaran negara bagi kategori kertas ini adalah sebanyak 1,319,627 tan metrik. Manakala bagi jumlah import pula ialah sebanyak 2,811,914 tan metrik dan sebanyak 4,071,650 tan metrik merupakan gunaan negara bagi tempoh sembilan tahun. Berdasarkan Rajah 3.1, jumlah pengeluaran tempatan telah menyumbang sebanyak 32% kepada permintaan tempatan dan selebihnya, iaitu sebanyak 68%, merupakan sokongan daripada sumber luar negara (import).

Rajah 3.1: Sumbangan pengeluaran tempatan & Import *writing/printing paper* '91-'99




Secara kasar trend pengeluaran, import dan gunaan kategori *writing/printing paper* negara dapat digambarkan dengan jelas daripada Jadual 3.4 dan Rajah 3.2. Antara tahun 1991 hingga 1992, jumlah pengeluaran, import dan gunaan telah menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun telah berlaku sedikit penurunan jumlah menjelang tahun 1993, iaitu 13,735 tan metrik (10.8%) pengeluaran, 37,092 tan metrik (12.8%) import dan 50,827 tan metrik (12.2%) gunaan. Jumlah pengeluaran, import dan gunaan telah kembali mencatatkan peningkatannya bagi tahun 1995 hingga 1996. Tahun 1996 adalah kemuncak peningkatan bagi ketiga-tiga perkara tersebut, iaitu 177,000 tan metrik pengeluaran, 444,821 tan metrik import dan 622,721 tan metrik gunaan. Kemerosotan jumlah pengeluaran, import dan gunaan kembali dicatatkan pada tahun 1997, 1998 dan 1999. Keadaan kemerosotan jumlah dan kadar penurunan yang semakin ketara, melibatkan ketiga-tiga perkara telah dicatatkan pada tahun 1999.

Jadual 3.4: Pengeluaran, Import dan Gunaan bagi Writing/Printing Paper 1991-1999

Tahun	Pengeluaran (M/T)	Import (M/T)	Gunaan (M/T)
1991	101,820	205,827	307,647
1992	126,821	289,872	416,693
1993	113,086	252,780	365,866
1994	150,000	276,043	426,043
1995	170,000	429,466	599,466
1996	177,900	444,821	622,721
1997	165,000	337,057	502,057
1998	165,000	365,254	530,254
1999	150,000	210,794	300,903

Sumber: Jabatan Statistik & MPPMA

Rajah 3.2: Statistik Pengeluaran, Import dan Gunaan Writing/printing paper 1991-1999



(a) Statistik Pengeluaran


Berdasarkan Rajah 3.3, jumlah pengeluaran bagi *Writing/printing paper* untuk tahun 1991 adalah sebanyak 101,820 tan metrik manakala tahun 1992 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 18% (25,001 tan metrik) dan menjadikan jumlahnya sebanyak 126,821 tan metrik. Untuk tahun yang berikutnya, jumlah pengeluaran tempatan telah merosot sebanyak 11% (13,735 tan metrik) dan menjadikan jumlahnya sebanyak 113,086 tan metrik. Peningkatan pengeluaran sebanyak 27% (36,914 tan metrik) telah dicatatkan secara mendadak pada tahun 1994 dan menjadikan jumlahnya sebanyak 150,000 tan metrik. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini berada pada kadar 9.2%.

Prestasi pengeluaran kertas negara terus cemerlang dengan berlakunya peningkatan selama dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 1995 dan 1996. Pertumbuhan KDNK yang dicatatkan pada 1995, berada pada kadar yang stabil, iaitu 9.6%. Keadaan ekonomi yang baik ini memperlihatkan kita akan peningkatan sebanyak 12% (20,000 tan metrik) dan menjadikan jumlah pengeluaran pada 1995 adalah sebanyak 170,000 tan metrik. Manakala pada tahun 1996, jumlah pengeluaran telah meningkat sebanyak 5% (7,900 tan metrik) menjadi 177,900 tan metrik. Apa yang jelas, jumlah pengeluaran negara pada tahun 1996 (177,900 tan metrik) merupakan yang tertinggi dan kemuncak sepanjang 9 tahun (1991 - 1999).

Bermula tahun 1997 hingga 1999, prestasi pengeluaran negara mula menampakkan penurunan sepanjang tiga tahun berturut-turut. Pada tahun 1997 dan

1998, jumlah pengeluaran negara adalah berada pada kadar 165,000 tan metrik. Angka ini menunjukkan penurunan sebanyak 7% (12,900 tan metrik) dicatatkan pada tahun 1997 berbanding tahun sebelumnya. Penurunan amat ketara berlaku pada tahun 1999, di mana jumlah pengeluaran negara semakin menurun kepada 150,000 tan metrik. Jumlah ini telah memperlihatkan akan penurunan sebanyak 9% (15,000 tan metrik) berbanding tahun sebelumnya.

Rajah 3.3: Statistik Pengeluaran *Writing/printing paper* 1991-1999



(b) Statistik Import

Berdasarkan Rajah 3.4, jumlah import negara secara umumnya bergantung kepada jumlah gunaan dan jumlah sokongan pengeluaran negara pada setiap tahun. Pada tahun 1991, jumlah import negara bagi kategori kertas ini adalah sebanyak 205,827 tan metrik. Angka ini menunjukkan bahawa 67% daripada jumlah gunaan negara adalah datangnya daripada import. Sumbangan daripada bekalan import telah meningkat kepada 70% pada tahun 1992 dan menjadikan jumlah import adalah sebanyak 289,872 tan metrik. Ini bermakna berlaku peningkatan jumlah import sebanyak 41% (84,045 tan metrik) berbanding tahun sebelumnya.

Pada tahun 1993 dan 1994, jumlah import masing-masing adalah sebanyak 252,780 tan metrik dan 276,043 tan metrik. Ini menunjukkan berlaku kemerosotan jumlah import sebanyak 13% (37,092 tan metrik) bagi tahun 1993 berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, bagi tahun 1994 berlaku sedikit peningkatan iaitu sebanyak 9% (23,263 tan metrik) dan menjadikan jumlah import sebanyak 276,043 tan metrik. Jumlah import ini telah menyumbang sebanyak 65% daripada jumlah permintaan gunaan tempatan. Keadaan ini disebabkan berlakunya peningkatan terhadap jumlah pengeluaran tempatan yang menyumbang sebanyak 35% daripada permintaan tempatan.

Walau bagaimanapun, sumbangan bekalan kertas daripada import terhadap permintaan negara telah meningkat kembali pada tahun 1995 (72%) dan 1996 (71%). Peningkatan yang ketara ini, telah memperlihatkan jumlah import pada tahun 1995 telah meningkat sebanyak 56% (153,423 tan metrik) menjadi 429,466 tan metrik. Angka ini


merupakan peningkatan jumlah import (153,423 tan metrik) tertinggi sepanjang 9 tahun (1991-1999). Pada tahun 1995, ekonomi negara kembali stabil dengan mencatatkan KDNK pada kadar 9.6%, iaitu meningkat sebanyak 4% berbanding tahun 1994.

Kadar peningkatan terus berlaku pada tahun 1996, menjadikan jumlah import sebanyak 444,821 tan metrik, iaitu meningkat sebanyak 4% (15,355 tan metrik) berbanding tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, angka ini telah menjadikan jumlah import (444,821 tan metrik) yang dicatatkan pada tahun ini adalah tertinggi sepanjang 9 tahun (1991-1999).

Tahun 1997, 1998 dan 1999 telah mula memperlihatkan prestasi import yang tidak konsisten berbanding kemuncaknya pada tahun 1996. Keadaan ini disebabkan, negara telah dilanda kegawatan ekonomi bermula pada pertengahan tahun 1997. Jumlah import telah merosot dengan ketara pada tahun 1997, menjadikan jumlahnya sebanyak 337,057 tan metrik. Ini bermakna, kemerosotan jumlah import adalah sebanyak 24% (107,764 tan metrik). Namun begitu, tahun 1998 peningkatan sebanyak 8% (28,197 tan metrik) telah dicatatkan menjadikan jumlahnya sebanyak 365,254 tan metrik.

Prestasi import semakin merosot dengan teruk pada tahun 1999, iaitu dengan mencatatkan jumlah import sebanyak 210,794 tan metrik dan menjadikan kadar kemerosotannya adalah sebanyak 42% (154,460 tan metrik). Secara tidak langsung, kemerosotan jumlah import (154,460 tan metrik) yang dicatatkan pada tahun ini merupakan yang terendah sepanjang 9 tahun (1991-1999).

Rajah 3.4: Statistik Import *Writing/printing paper* 1991-1999



(c) Statistik Gunaan

Berdasarkan Rajah 3.5, jumlah gunaan bagi kategori *writing/printing paper* pada tahun 1991 adalah sebanyak 307,647 tan metrik. Bagi tahun berikutnya, kadar gunaan telah meningkat sebanyak 35% (109,046 tan metrik) dan menjadikan jumlahnya sebanyak 416,693 tan metrik. Sementara bagi tahun 1993 pula, jumlah gunaan telah merosot sebanyak 12% (50,827 tan metrik) dan menjadikannya 365,866 tan metrik. Jumlah gunaan bagi tahun 1994 adalah meningkat iaitu sebanyak 16% (60,177 tan metrik) daripada 365,866 tan metrik pada tahun 1993 dan menjadikan jumlahnya sebanyak 426,043 tan metrik.

Bagi tahun 1995 dan 1996, terus memperlihatkan trend peningkatan dua tahun berturut-turut dan menghasilkan jumlah angka yang besar. Sebanyak 599,466 tan metrik digunakan pada tahun 1995 dan sebanyak 622,721 tan metrik bagi tahun 1996. Pada tahun 1995, kadar peningkatannya adalah sebanyak 41% (173,423 tan metrik) dan sebanyak 4% (23,255 tan metrik) bagi tahun 1996. Jumlah peningkatan gunaan pada tahun 1995 (173,423 tan metrik) merupakan tertinggi sepanjang tempoh 9 tahun (1991-1999). Manakala bagi tahun 1996, jumlah gunaan (622,721 tan metrik) yang dicatatkan merupakan jumlah yang tertinggi dalam tempoh 9 tahun (1991-1999).


Kemerosotan jumlah gunaan sebanyak 19% (120,664 tan metrik) telah dicatatkan pada tahun 1997 dan menjadikan jumlahnya sebanyak 502,057 tan metrik. Berasaskan laporan statistik daripada Jabatan Statistik dan Persatuan Pekilang Palpa dan Kertas Malaysia (MPPMA), kegawatan ekonomi telah memberi kesan terhadap jumlah gunaan pada tahun 1997. Pada tahun ini, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dicatatkan adalah sebanyak 7.7%. Namun begitu pada tahun 1998, di sebalik masalah-masalah kegawatan, jumlah gunaan masih mampu memperlihatkan sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 8% (28,197 tan metrik) dan menjadikan jumlahnya sebanyak 530,254 tan metrik.

Walau bagaimanapun, jumlah gunaan sebanyak 300,903 tan metrik telah dicatatkan pada tahun 1999. Keadaan ini menyebabkan peratus kemerosotan yang dicatatkan adalah sebanyak 43% (229,351 tan metrik) berbanding tahun sebelumnya. Justeru itu, angka ini merupakan jumlah gunaan (300,903 tan metrik) dan kadar

kemerosotan (229,351 tan metrik) yang paling rendah dicatatkan sepanjang 9 tahun (1991-1999).

Berdasarkan Laporan MIDA, pada tahun 1999, negara telah mula kembali pulih daripada mengalami kegawatan ekonomi. Kadar KDNK berada pada catatan pertumbuhan negatif sebanyak 1.3% dalam suku tahun pertama dan 4.1% pada suku tahun kedua. Kadar pertumbuhan terus meningkat kepada 8.1% dalam suku tahun ketiga. Pertumbuhan KDNK yang sebenar bagi tahun 1999 dijangka akan melebihi 4.0% (Industry Brief May 2000 - MIDA). Oleh yang demikian, walaupun secara umum ekonomi negara telah pulih, tetapi ia tidak menampakkan peningkatan prestasi jumlah gunaan kertas bagi kategori *writing/printing paper* pada 1999 berbanding tahun sebelumnya.

Rajah 3.5: Statistik Gunaan *Writing/printing paper* 1991-1999



3.5.2 *Newsprint*

Di Malaysia, terdapat sebuah kilang yang menghasilkan produk kertas *Newsprint*. Kilang tersebut adalah Malaysia *Newsprint Industries Sdn. Bhd.* (MNI) dan terletak di Temerloh, Pahang. Malaysia *Newsprint Industries Sdn. Bhd.* (MNI) telah memulakan percubaan pengeluarannya pada tahun 1998. Ia akan memulakan operasinya secara komersial pada suku tahun kedua 1999. Kapasiti pengeluarannya adalah sebanyak 250,000 tan metrik setahun.

Sebelum ini, permintaan tempatan bagi kertas ini hanya diperolehi 100 peratus melalui import dari negara-negara luar. Permintaan import bagi kertas ini, dijangkakan akan menurun sebanyak 30% apabila MNI Sdn. Bhd. memulakan operasinya. Lebih daripada 95% import kertas *Newsprint* adalah dalam bentuk gegulung (reels). Berdasarkan statistik MIDA pada tahun 1995, negara-negara yang utama terlibat dalam mengeksport kertas *Newsprint* ke Malaysia adalah terdiri daripada Amerika diikuti dengan Kanada dan Indonesia.

3.5.2.1 Analisis Statistik bagi Kategori *Newsprint*

Berdasarkan Jadual 3.5, analisis berkenaan kategori *Newsprint* ini hanya melibatkan dua pecahan utama, iaitu daripada segi jumlah import dan nilai import. Sebagaimana yang telah dijelaskan, kertas ini banyak bergantung kepada sumber import dari negara-negara luar. Analisis ini juga, melibatkan tempoh masa selama 9 tahun, iaitu

bermula daripada tahun 1991 hingga 1999. Jumlah keseluruhan import negara, sepanjang tempoh sembilan tahun adalah sebanyak 2,240,960 tan metrik dengan nilainya sebanyak RM3,412,895,000.

Berdasarkan Jadual 3.5 dan Rajah 3.6, jumlah import kertas *Newsprint* pada tahun 1991 adalah sebanyak 191,344 ton metrik dengan nilai import mencecah RM316,119,000. Pada kadar yang sedemikian, ia memperlihatkan bahawa purata harga kertas *Newsprint* pada tahun tersebut adalah pada kadar RM1,652.00 per tan metrik dan keadaan ini dapat digambarkan dengan jelas daripada Rajah 3.7. Bagi tahun berikutnya, iaitu 1992, nilai import telah menurun sebanyak 17% (RM53,676,000) menjadi RM262,443,000. Sementara itu, jumlah import telah mencatatkan peningkatan sebanyak 19% (35,472 tan metrik). Secara tidak langsung, menjadikan harga kertas pada tahun tersebut telah menurun sebanyak 30% (RM 495.00). Maka, harga yang dicatatkan adalah sebanyak RM 1,157.00 per tan metrik, berbanding tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, harga pada tahun 1992 merupakan yang terendah sepanjang sembilan tahun (1991-1999). Pada tahun 1993, jumlah importnya memperlihatkan sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 4% (8,181 tan metrik) dan menjadikan jumlahnya sebanyak 218,563 tan metrik, manakala nilai import adalah sebanyak RM261,563,000.

Pada tahun 1995, sebanyak 357,780 tan metrik telah diimport dengan nilai importnya adalah sebanyak RM715,532,000. Jumlah ini menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 41% (104,248 tan metrik) berbanding 253,532 tan metrik dengan nilai RM312,976,000 yang diimport pada tahun 1994. Manakala nilai import tahun 1995

telah melonjak sebanyak 129% (RM402,556,000) berbanding dengan tahun sebelumnya. Purata harga kertas pada tahun 1995 adalah sebanyak RM2000.00, iaitu meningkat sebanyak 62% (RM766.00) dan merupakan yang tertinggi sepanjang sembilan tahun (1991-1999). Berdasarkan laporan MITI, peningkatan nilai import bagi palpa dan kertas, merupakan antara barang import ke Malaysia yang tertinggi bagi tahun 1994 dan 1995.

Namun begitu, berlaku penurunan yang agak ketara pada tahun 1996 dengan jumlah importnya sebanyak 237,768 tan metrik dengan nilai RM443,383,000. Peratus kemerosotannya adalah sebanyak 34% (120,012 tan metrik), namun harga kertas terus meningkat kepada RM1,865 per tan metrik. Tahun berikutnya menunjukkan peningkatan selama dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 1997 dan 1998. Walaupun pada tahun-tahun ini negara mengalami kegawatan ekonomi, namun jumlah import terus meningkat sebanyak 25% (58,669 tan metrik) menjadi 296,437 tan metrik dengan nilai RM417,658,000 pada tahun 1997. Pada tahun 1998, jumlah import adalah sebanyak 308,523 tan metrik dengan nilai RM408,418,000, iaitu meningkat sebanyak 4% (12,086 tan metrik). Apa yang jelas, harga kertas pada kedua-dua tahun ini telah menurun berbanding tahun sebelumnya, iaitu RM1,409.00 pada tahun 1997 dan RM1,324.00 pada tahun 1998.

Trend import kertas *Newsprint* merosot dengan ketara pada tahun 1999 dan yang terendah pernah dicatatkan sepanjang sembilan tahun (1991-1999). Jumlah importnya adalah sebanyak 150,085 tan metrik dengan nilai import RM274,803,000. Kadar kemerosotannya adalah sebanyak 51% (158,438 tan metrik). Tahun ini juga


memperlihatkan peningkatan harga kertas sebanyak 38% (RM507.00) dan menjadikannya sebanyak RM1,831.00 per tan metrik berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 3.5: Import *Newprint* 1991 -1999

Tahun	Kuantiti (M/T)	Nilai (RM '000)
1991	191,344	316,119
1992	226,816	262,443
1993	218,675	261,563
1994	253,532	312,976
1995	357,780	715,532
1996	237,768	443,383
1997	296,437	417,658
1998	308,523	408,418
1999	150,085	274,803

Sumber: Jabatan Statistik & MPPM

Rajah 3.6: Statistik Import *Newsprint* 1991 - 1999



Rajah 3.7: Statistik Purata Harga Import *Newsprint* 1991-1999

